

**Warga Sabah dijemput serta program Temu Anwar, Rabu ini**

Bernama  
Mei 29, 2023 15:55 MYT

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjemput warga Sabah untuk turut serta dalam sesi Temu Anwar yang akan diadakan pada Rabu ini.

Dalam hantaran di media sosialnya, Anwar yang turut memuat naik poster program berkenaan berkata ia akan diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program anjuran Anwar Ibrahim Club dengan kerjasama UMS itu akan bermula 4 petang dan pendaftaran boleh dibuat melalui [www.temuanwar.com](http://www.temuanwar.com).

-- BERNAMA



Saya ingin menjemput warga Sabah untuk turut serta dalam sesi Temu Anwar yang akan diadakan pada hari rabu ini bersamaan 31 Mei 2023 bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sesi Temu Anwar ini memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat terutamanya anak muda untuk bertanyakan apa juar soalan secara terus kepada saya.

Pendaftaran boleh dibuat menerusi laman web [temuanwar.com](http://temuanwar.com)....

[See more](#)